

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS
PERASMIAN PESTA KONVOKESYEN KE-5 UTeM PADA 2
OKTOBER 2009, JAM 3.00 PETANG BERTEMPAT DI
KAMPUS INDUK, DURIAN TUNGGAL, MELAKA**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Yang Berbahagia

Tan Sri Datuk Dr. Johari Bin Mat,

Pro Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Yang Berbahagia

Dato' Dr. Mohd. Taib Bin Hashim

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia
Melaka

Yang Berhormat

Datuk Hj Yaakob Bin Md Amin

Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains & Teknologi

dan Sumber Manusia, Negeri Melaka

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Y.Bhg Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi

Y.Bhg Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang

Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA),

merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Pesta

Konvokesyen UTeM ke-5

Pegawai-pegawai kanan Universiti

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar

Ahli Jawatankuasa Pesta Konvokesyen UTeM ke-5

Seterusnya mahasiswa/i serta hadirin dan hadirat di hormati

Assalammualaikum wrt wbt dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan

jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam Majlis Perasmian Pesta Konvokesyen kelima sempena Istiadat Konvokesyen UTeM kali kelima.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan tetamu serta dif-dif kehormat yang telah sudi hadir ke majlis ini bagi memeriahkan lagi majlis kami pada petang ini. Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan kepada Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UTeM kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada petang ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai. Saya percaya tanpa kerja keras dan iltizam yang sentiasa membara dalam jiwa dan sanubari setiap warga UTeM, majlis besar seumpama ini sukar dilaksanakan. Ibarat kata bijak pandai, “pisang sesikat, susu sebelanga, tanda bermuafakat bersama-sama.”

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Antara tujuan Pesta konvokesyen dianjurkan adalah sebagai tanda keprihatinan dan semangat Universiti di dalam meraikan kejayaan graduan yang bakal menerima ijazah masing-masing. Alhamdulillah Pesta konvokesyen ke-5 ini dapat diadakan di dalam kawasan universiti buat pertama kalinya, yang mana sebelum ini ia diadakan di luar kawasan seperti di MITC.

Pada tahun ini juga, pesta konvokesyen telah memilih tema harian yang ringkas, namun mempunyai pengisian yang mendalam. Bertemakan “Akademik, Kemasyarakatan dan Kebudayaan”, ia bukan sahaja merupakan semangat yang penting dalam menghadapi kehidupan di kampus, malahan turut menyumbang ke arah pembangunan negara dan pemupukan nilai-nilai murni yang berperanan dalam pembinaan negara bangsa serta modal insan yang berkualiti .

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Universiti merupakan institusi penentu masa depan masyarakat dan negara. Teguh dan rapuhnya sistem masyarakat dan industri keseluruhannya akan banyak dipengaruhi oleh mahasiswa yang diharapkan dapat membimbing dan memimpin keluarga, masyarakat, industri dan generasi akan datang. Negara amat memerlukan mahasiswa

yang holistik dan seimbang dengan menggunakan keupayaan, potensi dan bakat diri untuk membawa kecemerlangan negara.

Mahasiswa sewajarnya mempunyai kemahiran yang tinggi untuk menyelesaikan masalah diri dan organisasi, berperwatakan dan berperibadi mulia, mengutamakan penggunaan daya intelek, tinggi daya fikir, bersikap ilmiah serta berupaya menghadapi apa jua situasi dan rintangan. Pendek kata, harapan negara kepada mahasiswa amat tinggi

kerana kepada mereka lah tanggungjawab mengurus pembangunan negara bakal diserahkan. Oleh itu pengendalian Pesta Konvokesyen ini adalah satu latihan kepada mahasiswa UTeM menuju ke arah kecemerlangan untuk memikul amanah menjayakan agenda pembangunan negara.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Perasmian Pesta Konvokesyen kelima UTeM pada petang ini dikendalikan oleh Majlis Perwakilan Pelajar UTeM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UTeM dan dibantu oleh pelajar-pelajar. Atas gandingan ini di samping sokongan Universiti maka Pesta Konvokesyen ini menjadi realiti. Usaha seperti ini diharapkan dapat dijadikan penggerak untuk merealisasikan wawasan universiti bagi melahirkan graduan yang berketrampilan, proaktif, berpandangan terbuka dan

mempunyai kemahiran berkomunikasi dan daya kepimpinan. Tahniah saya ucapkan.

Akhir kata saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli Jawatankuasa Pelaksana Majlis Pesta Konvokesyen ke-5 UTeM yang telah bekerja keras bagi menjayakan majlis ini. Juga kepada para pengunjung semoga mendapat banyak manfaat daripada kunjungan anda di sini. Kepada Yang Berbahagia Tan

Sri Datuk Dr. Johari Bin Mat, Pro Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka, dan tetamu-tetamu jemputan, saya bagi pihak seluruh warga universiti mengucapkan jutaan terima kasih kerana sudi meluangkan masa bersama kami di sini.

Sekian, Terima Kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh